

08/11/1997

Dr M, Goh bincang isu kesesakan

Ridzuan Yop

SUNGAI BAKAP, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong bagi membincangkan isu kesesakan lalu lintas di Tambak Johor.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pertemuan itu dirancang selepas kedua-dua pemimpin bertemu ketika persidangan Ketua Kerajaan Komanwel di Edinburgh, Scotland baru-baru ini.

Dalam pertemuan di Edinburgh itu, kedua-dua pemimpin membincangkan mengenai kesesakan lalu lintas di Tambak Johor.

"Goh menyatakan beliau ingin membuat lawatan kerja ke Malaysia dan akan berbincang lebih lanjut mengenai perkara itu dengan Perdana Menteri. Bagaimanapun, tarikh pertemuan itu belum ditetapkan tetapi dijangka awal tahun depan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Balai Raya Kampung Sungai Besar, Sungai Kecil di sini.

Pada majlis itu juga Abdullah menyampaikan dividen Risdan kepada Ahli Koperasi Pekebun Kecil Pulau Pinang. Turut hadir di majlis itu, Ahli Exco Kerajaan Negeri, Rashid Abdullah yang juga Ketua Umno Bahagian Nibong Tebal, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dr Goh Cheng Teik, Pengarah Risdan Pulau Pinang, Rashid Nafis dan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Kampung Besar, Mohamad Hashim.

Abdullah berkata, jabatan yang terbabit dalam isu kesesakan Tambak Johor sama ada di Singapura dan Malaysia akan dimaklumkan mengenai perkara itu dan yang dibangkitkan dalam pertemuan kedua-dua pemimpin itu.

Beliau berkata, kedua-dua pemimpin juga dijangka mengadakan perbincangan mengenai hubungan dua hala kedua-dua pihak dalam pertemuan itu nanti.

Kesesakan lalu lintas di Tambak Johor sejak akhir ini, menimbulkan kontroversi antara Malaysia dan Singapura yang saling menyalahkan antara satu sama lain.

Sementara itu, dalam ucapannya, Abdullah berkata, rakyat negara ini patut bersyukur kerana dapat hidup dalam keadaan aman walaupun mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama.

Beliau berkata, beberapa negara dunia lain yang mempunyai pelbagai kaum sentiasa menghadapi masalah dan pertelingkahan sehingga tidak dapat membangunkan negara terbabit.

Menurutnya, negara yang mempunyai pelbagai kaum seperti Bosnia-Herzegovina terus bergolak, manakala sesama Islam seperti di Afganistan masih berperang sehingga ini.

Sehubungan itu, katanya, banyak negara yang mahu mencontohi Malaysia bagaimana ia ditadbir dan diuruskan sehingga semua masalah dapat diselesaikan secara muafakat.

(END)